

23/02/2002

Puteri Umno automatik jadi ahli parti: Pak Lah

Kadir Dikoh; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Puteri Umno, sayap ketiga yang diwujudkan bagi menarik keanggotaan di kalangan wanita muda, tidak perlu mendaftar sekali lagi sebagai ahli parti itu bagi mengesahkan keahlian mereka, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno berkata, ini kerana permohonan serta keahlian mereka sebagai ahli Puteri sudah melayakkan mereka menjadi ahli parti itu yang sah.

"Wanita berumur 18 hingga 35 tahun yang mendaftar sebagai Puteri Umno secara automatik menjadi ahli Umno dan tidak perlu lagi menghantar borang permohonan kepada Ibu Pejabat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Bagaimanapun katanya, permohonan yang dibuat itu akan dipilih bagi memastikan sama ada seseorang pemohon layak menyertai Puteri Umno atau Wanita Umno.

Beliau berkata, bagi wanita berumur lebih 35 tahun, mereka tidak boleh menganggotai Puteri. Mereka hanya layak diterima menganggotai pergerakan Wanita Umno.

"Tetapi semuanya adalah ahli Umno dan boleh menghadiri mesyuarat peringkat cawangan dan mereka boleh bertanding merebut jawatan (dalam pemilihan peringkat cawangan sekarang). Namun, kita tidak galakkan ahli Puteri Umno memegang banyak jawatan," katanya.

Akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan, kira-kira 70 peratus ahli Puteri Umno belum mendaftar sebagai ahli Umno kerana mereka hanya menghantar borang bagi menyertai Puteri.

Suraya Yaakob, yang mengendalikan permohonan Puteri Umno dilaporkan sebagai berkata, hanya suku daripada keanggotaan Puteri Umno yang mendaftar adalah ahli Umno, yang mana pendaftaran sebagai ahli Umno itu dibuat ketika menyertai Wanita Umno sebelum itu.

Ketika ini, dilaporkan kira-kira 87,000 wanita bawah 35 tahun menghantar permohonan bagi menyertai Puteri Umno sejak ditubuhkan Ogos tahun lalu, tetapi hanya 39,000 permohonan berjaya diproses.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, satu mesyuarat khas akan diadakan selepas Perhimpunan Agung Umno Jun depan, bagi membincangkan pindaan perlembagaan untuk membolehkan Puteri Umno distrukturkan ke dalam parti.

"Ahli MT berpendapat Puteri Umno yang ketika ini bergerak pada peringkat penaja dapat ditamatkan selepas pindaan perlembagaan dibuat.

"Puteri Umno diterima baik di peringkat bahagian dan cawangan. Bagi menformalkan struktur pergerakannya hanya dapat dilakukan apabila peruntukan tertentu dimasukkan dalam perlembagaan parti," katanya.

Beliau berkata, apabila pindaan itu dilakukan, Puteri Umno akan menjadi sama seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita tetapi bezanya ketua Puteri tidak duduk dalam MT atau dalam jawatankuasa bahagian.

"Mereka cuma duduk sebagai ahli biasa dalam jawatankuasa bahagian atau perhubungan negeri," katanya.

Beliau juga berkata bahawa mesyuarat MT menyokong penuh ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di New York baru-baru ini.

Katanya, Umno berpendapat bahawa Dr Mahathir tidak pernah anti ulama dan Umno menyokong rancangan-rancangan yang telah dijalankan kerajaan untuk membangunkan umat Islam.

"Umno menyokong cara dan pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri

kita berbincang dengan ulama-ulama berkaitan dengan isu penting sama ada isu sosial, pendidikan dan sebagainya untuk mendapat pandangan mereka.

"Memang satu kenyataan dan benar bahawa hubungan Umno dan ulama adalah satu hubungan yang baik dari dahulu lagi. Kita juga setuju supaya biro agama Umno dapat mengadakan perbincangan serta dialog dengan golongan ulama," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, mesyuarat MT hari ini juga bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa khas pada peringkat badan perhubungan Umno negeri bagi memantau mesyuarat peringkat cawangan di seluruh negara.

Abdullah berkata, penubuhan jawatankuasa khas itu bagi mempercepatkan penyelesaian masalah berkaitan mesyuarat cawangan bagi mengelak mesyuarat itu tertangguh dan tidak dapat dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan.

"Jumlah cawangan Umno seluruh negara kini 19,000. Kita tidak boleh lagi menggunakan cara lama yang mana setiap kali timbul masalah pada peringkat cawangan, akan dirujuk kepada pusat dan ini mengambil masa untuk diselesaikan.

"Cara itu tidak lagi boleh diguna kerana jika terlalu banyak masalah yang dirujuk ke peringkat Pusat dan tidak dapat diselesaikan, menyebabkan mesyuarat peringkat cawangan tidak dapat dijalankan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, penubuhan jawatankuasa itu tepat kerana dapat memantau setiap mesyuarat peringkat cawangan selain menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dengan lebih cepat.

Mengenai kedudukan Umno bahagian Kuantan yang masih digantung, Abdullah berkata, MT akan membuat keputusan mengenai bahagian itu sebelum 16 Mac ini iaitu tarikh akhir yang ditetapkan bagi semua cawangan Umno mengadakan mesyuarat pemilihan.

Beliau berkata, buat masa sekarang MT mengambil keputusan untuk menangguhkan mesyuarat pemilihan semua cawangan dalam bahagian Kuantan.

Umno Bahagian Kuantan digantung sejak tahun lalu berikutan laporan mengenai dakwaan berlakunya amalan politik wang ketika pemilihan dalam bahagian itu oleh bekas Ketua Bahagian Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Ditanya mengenai rayuan ahli parti yang dikenakan tindakan disiplin oleh Lembaga Disiplin, beliau berkata, MT akan bersidang sebagai badan utama bagi mempertimbangkan rayuan ahli parti terbabit.

(END)